



## Pekerja Tunjang Aktiviti Ekonomi Negara

Pekerja menggerakkan pengeluaran dan perkhidmatan, menjana pendapatan isi rumah serta menyokong permintaan domestik, sekali gus menjadi asas kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara.


### Malaysia: Masih Berintensifkan Buruh

Struktur ekonomi Malaysia masih didominasi sektor berintensifkan buruh seperti perkhidmatan, pembinaan, pertanian dan sebahagian pembuatan, menjadikan pekerja sebagai tunjang utama aktiviti ekonomi.

Kira-kira **93.7%** pertumbuhan di Malaysia boleh dianggap berada dalam sektor yang berintensifkan buruh — terutamanya sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan yang memerlukan banyak tenaga kerja secara relatif.

### Struktur Pertubuhan Banci Ekonomi 2023

**1,091,867**  
Pertubuhan.




 Sumbangan Peratus (%)

### Snapshot Pekerja Banci Ekonomi 2023



Seramai 10,004.3 ribu pekerja direkodkan pada tahun 2022, meningkat secara purata 1.8 peratus setahun antara 2015 hingga 2022.

### Bilangan Pekerja ('000) mengikut Aktiviti Ekonomi





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**B/E/26**  
BANCI EKONOMI 2026  
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

# NEWSLETTER



## A KUADRAN PASARAN BURUH


### KERANGKA PASARAN BURUH MALAYSIA



Permintaan Buruh

Rajah Kuadran Pasaran Buruh menggambarkan kedudukan pasaran buruh berdasarkan interaksi antara penawaran dan permintaan buruh, bagi menilai tahap keseimbangan pasaran buruh serta potensi risiko. Kuadran dengan penawaran dan permintaan buruh yang tinggi mencerminkan pasaran buruh yang seimbang dan berdaya tahan, manakala ketidakseimbangan antara kedua-duanya boleh menandakan risiko kekangan tenaga kerja, lebih buruh atau kelembapan aktiviti ekonomi; kedudukan semasa menunjukkan isyarat keseimbangan yang menyokong kestabilan pasaran pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

## B KITARAN PASARAN BURUH



Rajah Kitaran Pasaran Buruh menggambarkan hubungan dinamik antara penawaran buruh, permintaan buruh, produktiviti buruh dan kos buruh yang saling mempengaruhi dalam menentukan keseimbangan pasaran buruh. Interaksi antara penawaran dan permintaan buruh membolehkan penilaian padanan pekerjaan, struktur pekerjaan serta tahap kesenjangan pasaran buruh, yang seterusnya mempengaruhi produktiviti buruh. Peningkatan produktiviti menyokong keupayaan pasaran buruh dalam menentukan tahap kos buruh yang mampan, manakala perubahan kos buruh pula memberi kesan balas kepada keputusan majikan dan penawaran tenaga buruh, sekali gus melengkapkan kitaran pasaran buruh secara keseluruhan.



@StatsMalaysia

**B/E/26**  
BANCI EKONOMI 2026  
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

**MALAYSIA MADANI**

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
KEKUALIFAN TERBUKA  
DIDUNIA

20 October

2016 - 2030





## KERANGKA PASARAN BURUH MALAYSIA

Pasaran buruh merujuk kepada interaksi antara penawaran buruh dan permintaan buruh, yang dipengaruhi oleh kos buruh serta dicerminkan melalui produktiviti buruh.

Keempat-empat komponen ini saling berkait dan menentukan prestasi serta kecekapan pasaran buruh sesebuah ekonomi.

### Penawaran Buruh



Penawaran Buruh merujuk kepada individu yang bersedia dan berupaya untuk bekerja pada kadar upah tertentu dalam tempoh masa tertentu.

#### Indikator Penawaran Buruh

Tenaga Buruh

Penduduk Bekerja

Penganggur

Luar Tenaga Buruh

Kadar Penyertaan  
Tenaga Buruh

Kadar Penganggur

### Permintaan Buruh



Permintaan Buruh merujuk kepada keupayaan dan kesediaan majikan menggaji pekerja bagi menghasilkan output.

#### Indikator Penawaran Buruh

Jawatan

Jawatan Diisi

Kekosongan Jawatan

Pewujudan Jawatan

### Produktiviti Buruh



Produktiviti Buruh merujuk kepada pengukuran nilai tambah ekonomi yang dihasilkan oleh seorang pekerja atau per jam bekerja.

#### Indikator Produktiviti Buruh

Pekerja

Jam Bekerja

Produktiviti Buruh per  
pekerja

Produktiviti Buruh per  
jam bekerja

### Kos Buruh



Kos Buruh merujuk kepada jumlah perbelanjaan majikan bagi setiap pekerja, bukan sekadar gaji, terbahagi kepada kos langsung dan kos tidak langsung.

#### Indikator Kos Buruh

Gaji & Upah

Kos Buruh

